

PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2011

PANDUAN PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk penambahbaikan dan penyeragaman pengendalian kertas siasatan yang dibuka oleh Pegawai Penyiasat Jabatan Perhutanan Negeri untuk dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, melalui:

- i. penyeragaman proses dan tatacara mengemukakan kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk diteliti dan mendapat arahan lanjut; dan
- ii. penyeragaman tempoh mengemukakan kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mengelakkan kelewatan penyediaan kertas siasatan.

2. LATAR BELAKANG

Pekeliling Pendakwaan Bil. 2 Tahun 2010 telah menetapkan bahawa:

- i. semua kertas siasatan kesalahan hutan yang dibuka oleh Pegawai Penyiasat hendaklah dikaji secara mendalam dan teliti oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk memberi arahan lanjut dalam melengkapkan siasatan; dan
- ii. kes-kes kesalahan hutan yang dituduh di bawah peruntukan undang-undang perhutanan hendaklah dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya.

3. PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN

3.1 Klasifikasi Kertas Siasatan

- 3.1.1 Semua kertas siasatan hendaklah dicatatkan perkataan **SULIT** pada muka depan dan belakang di sebelah atas dan bawah kulitnya.
- 3.1.2 Kertas siasatan hendaklah diklasifikasikan sebagai **SULIT** pada setiap masa dan penyimpanannya mesti dibuat dengan sempurna.

3.2 Tanggungjawab Pegawai Penyiasat

- 3.2.1 Pegawai Penyiasat perlu menyediakan laporan ringkas hasil siasatan dalam kertas minit kepada Pegawai Penyiasat Kanan atau pegawai kanan lain yang dilantik oleh Pengarah Perhutanan Negeri berhubung dengan siasatan yang dijalankan.
- 3.2.2 Laporan ringkas hasil siasatan perlu mengandungi maklumat mengenai;
- i. klasifikasi kes berdasarkan jenis kesalahan di bawah seksyen /peraturan yang dilakukan/dilanggari;
 - ii. keterangan ringkas hasil siasatan; dan
 - iii. pendapat / syor pegawai penyiasat mengenai kes tersebut sama ada perlu diambil tindakan pendakwaan, kompaun atau *No Further Action* (NFA) berdasarkan keterangan yang telah diperolehi.

3.3 Tanggungjawab Pegawai Penyiasat Kanan / Pegawai Kanan Lain yang Dilantik oleh Pengarah Perhutanan Negeri

- 3.3.1 Pegawai Penyiasat Kanan / pegawai kanan lain yang telah dilantik hendaklah meneliti kertas siasatan dan memberikan pandangan/ arahan dalam kertas minit kepada Pegawai Penyiasat sekiranya siasatan lanjut perlu dijalankan.
- 3.3.2 Sekiranya Pegawai Penyiasat Kanan / pegawai kanan lain yang telah dilantik berpuas hati bahawa kertas siasatan telah dilengkapkan dan keterangan adalah mencukupi, pegawai tersebut hendaklah memberi pandangan dan syor kepada Pengarah Perhutanan Negeri dalam kertas minit bagi mendapatkan pandangan dan arahan lanjut.

3.4 Tanggungjawab Pengarah Perhutanan Negeri

- 3.4.1 Pengarah Perhutanan Negeri hendaklah meneliti kertas siasatan dan mencatatkan dalam kertas minit:
- i. Pandangan / arahan kepada Pegawai Penyiasat untuk menjalankan siasatan lanjut atau;
 - ii. Pandangan / syor kepada Timbalan Pendakwa Raya sekiranya kertas siasatan telah lengkap.
- 3.4.2 Elakkan mengemuka kertas siasatan kepada Timbalan Pendakwa Raya pada saat akhir tempoh tahanan reman.

3.5 Masa Merujuk Kertas Siasatan Kepada Timbalan Pendakwa Raya

3.5.1 Kertas siasatan yang dibuka hendaklah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selewat-lewatnya dalam masa satu (1) minggu dari tarikh tamat tempoh tiga (3) bulan dari tarikh laporan polis dibuat atau pada bila-bila masa yang diarahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya [Seksyen 120 Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593]

3.6 Carta Aliran penyediaan dan pengendalian kertas siasatan seperti pada Lampiran 1.

4. KAEDAH PENGEMUKAAN KERTAS SIASATAN KEPADA TIMBALAN PENDAKWA RAYA

Kertas siasatan hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya melalui kaedah pembungkusan dokumen sulit dan boleh diserahkan secara serahan tangan atau melalui penghantaran Pos Laju.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2011 bagi semua negeri di Semenanjung.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"SAYANGI HUTAN"



(DATO' RAZANI BIN UJANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 1 Oktober 2011

CARTA ALIRAN PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN

